

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 4 OGOS 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 14

Kerangka ekonomi diperkenal perkukuh pelaburan EU-Malaysia

Kerangka ekonomi diperkenal perkukuh pelaburan EU-Malaysia

EUROCHAM Malaysia sifatkan kerajaan komited bina negara lebih baik

Oleh Mahanun Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Kuala Lumpur: EUROCHAM Malaysia berharap Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat akan meningkatkan lagi pelaburan dan mengukuhkan hubungan ekonomi antara Kesatuan Eropah (EU) dan Malaysia.

Secara keseluruhannya, EUROCHAM Malaysia menyifatkan Ekonomi MADANI adalah komitmen kerajaan Malaysia untuk menyampaikan visi dengan kerangka ekonomi itu membentangkan pelan hala tuju yang komprehensif dan bercita-cita tinggi untuk membina Malaysia yang lebih baik, memupuk perpaduan, kemakmuran,

serta kemajuan untuk generasi semasa dan akan datang.

"EUROCHAM Malaysia berharap rancangan ekonomi ini meningkatkan lebih banyak pelaburan dan mengukuhkan hubungan ekonomi antara EU dan Malaysia," kata dewan pernagaan itu.

Ekonomi MADANI dilancarkan pada 27 Julai lalu, sebagai pelan strategik oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, bertujuan untuk menjadi Malaysia yang lebih baik melalui usaha kolektif.

EUROCHAM Malaysia berkata, pelan ekonomi itu mencerminkan perjalanan ekonomi Malaysia yang luar biasa yang mana pertumbuhan masa lalu sudah memberi kesan positif kepada kehidupan rakyat Malaysia, menghasilkan peningkatan kesihatan, pendidikan dan transformasi ekonomi daripada pertanian kepada pembuatan dan perkhidmatan.

Ia berjaya, walaupun pencapaian masa lalu, rancangan itu mengekritiraf kemunculan cabaran baru dan kritis, termasuk kemerosotan tadbir urus, ekonomi yang dipacu domestik, baha-



EKONOMI MADANI

Memperkasa Rakyat

gian pendapatan pekerja yang rendah, gaji median dan purata kadar penyertaan tenaga kerja wanita, pengumpulan hutang negara, penurunan pelaburan dan daya saing global.

Visi ekonomi baharu

Katanya, bagi menangani cabaran ini dan menetapkan visi ekonomi baharu, Ekonomi MADANI berpaksikan nilai MADANI iaitu kelestarian, penjagaan, penghoratan, inovasi, kemakmuran

"Ia memperkenalkan dua komponen penting: 'Menalikkan Siling' dan 'Menalikkan Lantai', dengan yang pertama bertujuan menyusun semula dan meningkatkan ekonomi Malaysia dengan menggalakkan serantau, daya saing, pendigitalan dan pertumbuhan hijau."

"Ini termasuk mengukuhkan firma dalam semua saiz, menyokong perniagaan mikro dan tempatan, memastikan keselamatan makanan dan meletakkan Malaysia sebagai destinasi pelaburan yang berdaya saing di peringkat global," katanya.

EUROCHAM Malaysia berkata, komponen 'Menalikkan Lantai' pula memperjuangkan kedaulatan sosial, kesaksamaan dan perlindungan sosial untuk semua rakyat Malaysia.

Dewan pernagaan itu berkata, ia membabitkan menggalakkan peningkatan mobiliti sosial, memantapkan liputan perlindungan sosial, memastikan peluang yang saksama, menyediakan penjagaan kesihatan dan pendidikan sejagat dari kelahiran hingga dewasa, memperbaharui sistem pendidikan, menambah baik infrastruktur dan menjadikan rumah mampu milik boleh dilakses oleh semua rakyat.

Ia berjaya, bagi mengemudi transformasi awam yang tangkas dianggap penting untuk menyokong transformasi ekonomi dan menyesuaikan diri dengan ekonomi yang berkembang dan realiti global," katanya.

"Pembaharuan sektor awam penting untuk kepentasian, kecekapan dan pelaksanaan program pemantauan, berteraskan penanfaatan aras global untuk pertumbuhan ekonomi dan daya saing, terangkuman tenaga kerja, merangi rasuah dan memastikan kemampaman fiskal," katanya.

EUROCHAM Malaysia berkata, pelan itu juga meneckankan kepentingan tadbir urus dan penyampaian yang baik sebagai asas membina semula kepercayaan kalangan pemegang taruh.

Menurutnya, pembaharuan Parlimen, perundangan dan institusi, bersama-sama dengan menangani rasuah dan meningkatkan daya tahan masyarakat, di ketengah.

"Kerajaan berhasrat untuk meningkatkan kemampaman fiskal secara progresif melalui pembaharuan hasil dan perbelanjaan.

"Selain itu, penyampaian perkhidmatan awam yang tangkas dianggap penting untuk menyokong transformasi ekonomi dan menyesuaikan diri dengan ekonomi yang berkembang dan realiti global," katanya.